

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD  
WASALI [ SIPITANG ]**

**NO. SOALAN : 398**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan sejauh mana keberkesanan  
program baharu, iaitu Inisiatif Melestarikan  
Pembangunan Komuniti (Impak) yang dilancarkan  
baru-baru ini bagi membangunkan belia di kawasan  
luar bandar dan sehingga kini berapa ramai golongan  
belia sudah mendapat manfaat daripada 250,000  
sasaran yang ditetapkan dalam tempoh 10 tahun.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini, sejumlah 32,000 pengunjung telah berkunjung ke tujuh (7) lokasi Program IMPAK bagi mendapatkan pelbagai infomasi dan khidmat nasihat mengenai program – program yang ditawarkan oleh MARA.

Seramai 3,211 belia telah mendaftar di bawah program berkaitan keusahawanan manakala 2,345 belia telah mendaftar di bawah program Graduate Employability Training Scheme (GETS). Belia – belia ini akan dibantu untuk menjadi usahawan ataupun mendapatkan pekerjaan di industri- industri terpilih.